



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN SISTEM PINTAR TRAFIK MBMB
(SPiKTRA-M)
TARIKH: 2 NOVEMBER 2021 (SELASA), MASA: 11.00 PAGI
DI GRAND BALLROOM, ARAS 11, HATTEN HOTEL, MELAKA
(WAKIL: YB SEN. DATO' SRI MOHAMAD ALI BIN MOHAMAD)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;
Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama berhimpun sempena Majlis Pelancaran Sistem Pintar Kawalan Trafik MBMB atau singkatannya SPiKTRA-M.
2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk melahirkan rasa syukur di atas Peralihan Negeri Melaka ke Fasa Keempat sejak **18 Oktober 2021** yang lalu dan suka terus mengingatkan kepada semua agar sentiasa mematuhi Prosedur Operasi

Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara supaya usaha kita ke arah endemik COVID-19 dapat dicapai.

3. Di kesempatan ini, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) kerana telah mengorak selangkah lagi ke hadapan dalam menyokong dan membantu usaha kerajaan negeri dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan kepada rakyat

Melaka khususnya melalui sistem SPiKTRA - M yang akan dilancarkan sebentar lagi.

4. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama di majlis ini disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, YAB Ketua Menteri mendoakan agar majlis ini berjalan lancar.

Hadirin dan hadirin yang dihormati sekalian;

MAJLIS PELANCARAN SPIKTRA - M

5. Saya difahamkan, SPiKTRA - M ini merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi tujuan penyuraian trafik dan kelancaran lalu lintas. Umum mengetahui, Negeri Melaka yang berkeluasan **1,650 kilometer persegi** merupakan **negeri keempat terkecil** di Malaysia dengan kepadatan penduduk dianggarkan seramai **932,700 orang**.

6. Statistik kedatangan pelancong pada tahun **2019** pula telah mencatatkan kemasukan pelancong seramai **18,727,337** orang di mana ia menunjukkan peningkatan sebanyak **10.03 peratus** atau **1,707,239** orang berbanding tahun sebelumnya.
7. Walaupun Negeri Melaka merupakan negeri yang kecil, namun, tidak disangkal lagi negeri kita mempunyai '*demand*' yang tinggi kerana terkenal dengan keunikan khazanah warisannya dan destinasi-destinasi pusat pelancongan yang menarik di dunia yang secara tidak langsung akan menyumbang kesesakan lalu lintas di negeri Melaka.

8. Justeru, dalam usaha memperkukuhkan daya saing negeri, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk mentransformasi perkhidmatan awam termasuk membangunkan Pelan Strategik dan Pelan Transformasi Agensi, melaksanakan *Business Process Reengineering* bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan, memperkukuh pelaksanaan strategik ICT, memperkasakan *Internet of Things (IOT)* serta menggembleng tenaga kerja yang optimum melalui perkongsian strategik antara agensi dan sebagainya.

Hadirin dan hadirin yang dihormati sekalian;

9. Saya kira, pelancaran SPiKTRA-M ini bertepatan dengan waktunya memandangkan negeri Melaka telah pun membuka pintu-pintu sempadan negeri dan akan menerima kemasukan pelancong dari dalam dan luar negara.

10. Inilah waktu yang sesuai, untuk kita perolehi data *real time* kemasukan kenderaan sama ada penduduk tempatan mahupun pelancong domestik untuk dinilai dengan menggunakan sistem SPiKTRA-M ini untuk melihat keberkesannya. Data PLUS pada **15 Oktober hingga 17 Oktober 2021**, mencatatkan kenderaan keluar masuk negeri Melaka melebihi

100,000 daripada **3** simpang utama iaitu Tol Ayer Keroh, Simpang Empat, Alor Gajah dan Jasin.

11. Di samping itu, saya difahamkan jumlah keseluruhan projek SPiKTRA - M ini melibatkan **33** persimpangan di sekitar daerah Melaka Tengah dengan anggaran perbelanjaan sebanyak **RM 4.36 juta**.

12. Secara peribadi, saya turut berasa bangga apabila MBMB sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Melaka telah berjaya membuat projek perintis di Malaysia dan Melaka. Saya berharap

SPIKTRA-M ini dapat dikomersilkan di daerah dan negeri lain supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya rakyat negeri Melaka sendiri.

Hadirin dan hadirin yang dihormati sekalian;

13. Impian kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kompetitif, memerlukan kita, sebagai rakyat Malaysia dan warga Melaka melakukan perubahan berskala besar dan mempunyai pemikiran tanpa sempadan. Cabaran-cabaran semasa yang datang, sama ada secara kita

sedar ataupun tidak, seharusnya diatasi dengan langkah penyelesaian yang kreatif dan inovatif.

14. Membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif memerlukan satu transformasi minda yang berteraskan penciptaan, seperti yang disebutkan oleh *Howard Gardner*, sebagai *The Creating Mind*. Minda sebegini memerlukan seseorang itu berfikir dan mencipta sesuatu yang unik sesuai dengan peredaran zaman dan keperluannya. Kebolehan serta cabaran daya berfikir tanpa sempadan serta gabungan idea-idea kreatif bagi menghasilkan *output* atau produk yang hebat seperti inilah yang perlu

dibudayakan di semua jabatan dan agensi kerajaan negeri.

PENUTUP

Hadirin dan hadirin yang dihormati sekalian;

15. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sekali lagi kepada MBMB di atas beberapa pencapaian di peringkat global dan kebangsaan yang telah dirangkul pada tahun ini. Antaranya:

- Anugerah *Jean Paul-L'allier Grand Prize Heritage* oleh *Organization of World Heritage Cities (OWHC)* di Quebec, Kanada dan;
 - Anugerah Inovasi Sistem Pejalan Kaki Awam (SIPKA) Peringkat Kebangsaan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan Malaysia.
16. Besar harapan saya agar SPiKTRA-M ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat Melaka. Saya yakin dan percaya pembaharuan teknologi ini dapat menjimatkan masa perjalanan dan yang paling penting teknologi ini selamat digunakan oleh

pengguna jalan raya. Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka dengan sukacitanya melancarkan **Sistem Pintar Kawalan Trafik - MBMB (SPiKTRA - M)**.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ